

18/07/1999

Chan menang naib presiden

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Kong Choy semalam berjaya memenangi salah satu daripada empat jawatan Naib Presiden parti itu dalam pertandingan sengit antara lima tokoh parti.

Ini adalah percubaan kali pertama bagi Chan, 44, yang juga Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia setelah melepaskan jawatan ketua pemuda yang disandangnya selama sembilan tahun.

Keputusan itu juga menyaksikan salah seorang penyandang jawatan Naib Presiden yang antara paling lama, Datuk Yap Pian Hon, tersingkir. Yap, 55, yang juga Ahli Parlimen Serdang, adalah satu-satunya calon yang tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan.

Tiga penyandang jawatan Naib Presiden MCA itu yang masing-masing berjaya mengekalkan kedudukan ialah Datuk Dr Fong Chan Onn yang meraih undi terbanyak 2,113, diikuti Datuk Chua Jui Meng (2,098 undi), Datuk Ong Ka Ting (2,043 undi) dan Chan (1,650). Yap cuma mendapat 1,376 undi. Undi rosak ialah tiga.

Keputusan itu diumumkan oleh Setiausaha Agung parti, Datuk Dr Ting Chew Peh pada jam 4.20 petang semalam. Seramai 2,411 perwakilan membuang undi mereka yang dilakukan selepas upacara perasmian perhimpunan agung oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jawatan Presiden yang disandang Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek, dimenangi tanpa bertanding bagi tempoh 1999/2001.

Lebih menarik lagi, buat kali pertama dalam sejarah 50 tahun MCA, apabila semua 25 ahli jawatankuasa pusat menang tanpa bertanding yang dilihat mengikut 'menu' Presiden.

Ling ketika mengulas keputusan pemilihan itu menyifatkannya sebagai 'tidak mengejutkan' kerana mereka yang menang adalah barisan sama dalam pucuk pimpinan parti seperti sebelum ini.

"Ini kerana Datuk Chan, selaku ketua pemuda sebelum ini adalah secara automatik menduduki jawatan naib presiden. Secara keseluruhan, saya berpuas hati kerana pemilihan ini dijalankan dengan penuh disiplin, sempurna dan tanpa tindakan seperti menyebarkan surat layang. Saya harap keputusan ini dihormati," katanya.

Ditanya sama ada Yap akan dilantik untuk menduduki jawatankuasa pusat kerana presiden parti boleh membuat lapan pelantikan, beliau berkata masih terlalu awal untuk mengulas perkara itu.

Sementara itu, Chan yang kelihatan gembira dengan keputusan itu, berikrar untuk terus memberi khidmat cemerlang kepada parti dan rakyat bagi memikul amanah yang diberikan.

"Saya sudah terpilih dan berikrar akan berkhidmat dengan rakan sejawatan serta bekerjasama dengan pucuk kepimpinan parti untuk memberikan khidmat cemerlang untuk rakyat," katanya.

Yap yang melahirkan rasa tidak kecewa dengan keputusan itu berikrar untuk terus memberi khidmat terbaik sebagai wakil rakyat MCA di kawasanya demi parti dan kerajaan BN.

"Saya menerima kekalahan ini sebagai kehendak perwakilan yang memilih hari ini tetapi itu tidak bermakna mereka tidak sukakan saya. Dan saya sedia memberi laluan kepada muka baru," katanya sambil mengaitkan kekalahan itu antara lain kerana tiada jawatan dalam kerajaan yang membolehkan beliau bergerak dengan lebih meluas untuk menemui perwakilan. Bagaimanapun, Fong, 53, yang juga Timbalan Menteri Pendidikan, berazam

untuk terus memperjuangkan isu berkaitan pendidikan sama ada dalam parti atau kementeriannya setelah diberi mandat baru oleh ahli parti.

Chua, 56, yang juga Menteri Kesihatan berterima kasih kepada perwakilan kerana terus menaruh kepercayaan kepadanya meskipun berhadapan persaingan sengit dalam pemilihan itu.

Ong, 43, Timbalan Menteri Dalam Negeri, yang menyifatkan pertandingan itu sebagai sengit berkata pemilihan berlaku dalam suasana persahabatan dan harmoni.

Cuma sembilan daripada 25 ahli jawatankuasa pusat itu adalah muka baru termasuk bekas Timbalan Ketua Pemuda, Datuk Poh Ah Tiam dan bekas Naib Pengerusi Pemuda, Datuk Tang See Hang yang masing-masing membatalkan hasrat untuk bertanding jawatan ketua pemuda baru-baru ini.

Yang lain termasuk Datuk Wong See Wah, Datuk Dr Yeow Chai Thiam dan Ahli Parlimen Seremban, Datuk Hon Choon Kim.

(END)